

Dunia bersatu kutuk rejim Zionis

➔ Warga Palestin di Gaza berkabung, marah di upacara pengebumian mangsa tercinta

✦ Baitulmaqdis

Dunia bersatu mengutuk rejim Israel, semalam atas kekejaman membunuh ketika seluruh warga Palestin berkebung di Gaza ketika upacara pengebumian berpuluh-puluh mangsa yang terbunuh tempoh hari.

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pula membuat andaian tentera Zionis akan tembak siapa sahaja yang mengancam mereka, termasuk orang awam yang tidak terbabit.

Sesungguhnya Israel kini berdepan kecemasan antarabangsa selepas tenteranya membunuh 60 penduduk Palestin di kawasan sempadan Gaza ketika bantahan yang berliku berkebetulan pada hari yang sama dengan pembukaan pejabat Kedutaan Amerika Syarikat (AS) di Baitulmaqdis.

Banyak negara termasuk Britain, Perancis dan Russia menyelar keputusan AS memindahkan kedutaannya, manakala 128 negara menyokong resolusi PBB mengutuk tindakan Washington mengiktiraf bandar raya itu sebagai ibu kota Israel.

AS segera mempertahankan sekutu kuatnya, kelmarin apabila menyalahkan Hamas di atas keganasan itu dan menghalang resolusi PBB menggesa siasatan

antarabangsa, menurut diplomat. "Hamas bertanggungjawab di atas kematian tragik ini," kata jurucakap Rumah Putih, Raj Shah.

Erdogan gelar Israel penganas
Perdana Menteri Israel, Benjamin Netanyahu, turut menyalahkan Hamas, mempertahankan tindakan menggunakan ketenteraan, berkata setiap negara mempunyai kewajipan mempertahankan sempadan.

Presiden Palestin, Mahmud Abbas yang menjalani pembedahan kecil di telinga, semalam mengutuk pembunuhan beramai-ramai dilakukan Israel, berkata AS bukan lagi orang tengah di Asia Barat dan kedutaan itu disifatkan sebagai pangkalan luar peneroka baru AS di Baitulmaqdis.

Sementara itu, Presiden Turki, Recep Tayyip Erdogan menggelar Israel sebagai negara penganas dan melakukan pembunuhan beramai-ramai.

Pesuruhjaya Tinggi PBB bagi Hak Asasi Manusia, Zeid Ra'ad Al Hussein, berkata pihak yang bertanggungjawab di atas pembunuhan hak asasi manusia perlu bertanggungjawab.

Setiausaha Agung PBB, Antonio Guterres, juga meluahkan kebimbangan mengenai perkembangan itu.

AFP



Polis sempadan Israel menunggu masa membunuh lebih ramai lagi warga Palestin di Gaza ketika penduduk mengadakan bantahan sempena ulang tahun ke-70 Nakba di Beit El dekat Ramallah, semalam.



Ibu kepada Leila al-Ghandour, bayi Palestin berusia lapan bulan yang terkorban selepas terhidu gas pemedih mata, menangis di bilik mayat di hospital al-Shifa di Gaza, semalam.